

PENGURUSAN AUDIT DALAM SISTEM KEWANGAN ISLAM DAN KONVENSIONAL: PERBANDINGAN DAN IMPLIKASI

Haziq Hakimi Khairul Anwar*¹ Adib Farhin Mohd Khuzaimir,¹ Nik Rasha Khaireena Rosdan¹, Noor Aziean Azuli¹, Nur Hanis 'Aqilah Ruzaimay¹ & Raudhatun Nasuha Zukhairi¹

¹ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah, Melaka

* haziqhakimi1437@gmail.com (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v6i2.7201>

Abstrak

E-JITU

Acceptance date:
15 July 2023

Valuation date:
30 July 2023

Publication date:
20 October 2023

Audit merupakan instrumen penting dalam memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban kewangan dalam sesebuah organisasi. Artikel ini membandingkan antara pengurusan audit dalam sistem kewangan Islam dan konvensional dengan memberi fokus kepada maksud, jenis, ciri juruaudit, proses, cabaran dan kepentingannya. Melalui pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan, kajian ini menganalisis perbezaan ketara antara dua sistem berdasarkan prinsip syariah dan perundangan konvensional. Dapatan kajian menunjukkan bahawa audit syariah bukan sahaja menilai kepatuhan teknikal, malah juga menekankan prinsip etika dan pematuhan hukum Islam, manakala audit konvensional lebih tertumpu pada aspek teknikal dan undang-undang sekular. Artikel ini menggariskan bahawa keberkesanan audit Islam perlu digabungkan dengan prinsip integriti, akauntabiliti dan nilai spiritual untuk menjamin kepercayaan masyarakat terhadap institusi kewangan.

Kata kunci: Audit Syariah, Kewangan Islam, Sistem Konvensional, Perbandingan, Etika Kewangan

AUDIT MANAGEMENT IN ISLAMIC AND CONVENTIONAL FINANCIAL SYSTEMS: A COMPARATIVE ANALYSIS AND IMPLICATIONS

Abstract

Audit is a vital instrument in ensuring financial transparency and accountability within an organization. This article compares audit management in Islamic and conventional financial systems, focusing on its definition, types, auditor characteristics, processes, challenges, and significance. Employing a qualitative approach through a literature review, the study analyses key differences between the two systems based on Shariah

principles and conventional legal frameworks. The findings reveal that Shariah auditing not only assesses technical compliance but also emphasizes ethical principles and adherence to Islamic law, whereas conventional auditing primarily focuses on technical and secular legal aspects. The article highlights that the effectiveness of Islamic auditing must be integrated with principles of integrity, accountability, and spiritual values to ensure public trust in financial institutions.

Keywords: *Shariah Audit, Islamic Finance, Conventional System, Comparison, Financial Ethics*

PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, audit merupakan suatu proses yang penting dalam memastikan tanggungjawab dalam pengurusan kewangan sesebuah organisasi. Dalam sektor perbankan, audit memainkan peranan yang sangat penting kerana institusi kewangan menguruskan dana awam dalam jumlah yang besar dan terdedah kepada pelbagai bentuk risiko kewangan dan operasi. Oleh itu, pelaksanaan audit yang berkesan bukan sahaja membantu mengenal pasti kelemahan sistem dalaman malah, dapat memastikan pematuhan terhadap piawaian perakaunan dan peraturan dijalankan dengan baik oleh pihak berkuasa.

Pada waktu yang sama, terdapat dua jenis sistem kewangan yang digunakan di seluruh dunia iaitu sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam. Sistem kewangan konvensional berasaskan kepada prinsip kapitalisme tanpa mengambil kira panduan agama. Sebagai contohnya, bank memberikan pinjaman kepada pelanggan dan mengenakan faedah kepada pinjaman tersebut. Sistem ini juga mengandungi unsur gharar (tidak benar) dan maysir (perjudian) kerana pelanggan tidak pasti sama ada ia bermanfaat atau tidak. Manakala sistem kewangan Islam pula berlandaskan syariah. Ia menekankan keadilan dan etika dalam setiap urusan niaga kewangan. Institusi ini tidak mengenakan sebarang faedah kepada peminjam berbanding sistem konvensional.

Melalui kajian ini kita dapat membuat sedikit perbandingan antara sistem kewangan Islam dan sistem kewangan konvensional. Selain itu, kita dapat mengkaji maksud audit, jenis-jenis audit, ciri dan peranan juruaudit syariah, proses dan cabaran serta kepentingan audit. Dengan mendapat pemahaman yang lebih mendalam tentang pelaksanaan audit dalam konteks yang berbeza kita dapat mengenal pasti amalan terbaik yang dapat diterapkan dalam kedua-dua sistem perbankan iaitu secara Islam atau konvensional serta dapat menilai mana yang perlu dipatuhi dan yang perlu dihindarkan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam era globalisasi dan sistem kewangan yang semakin kompleks, peranan audit semakin penting dalam memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban organisasi kewangan. Namun, terdapat perbezaan asas antara sistem audit dalam kewangan Islam dan sistem konvensional yang memerlukan penelitian. Sistem audit konvensional berteraskan prinsip perundangan sekular dan teknikal tanpa mengambil kira aspek halal dan haram, manakala audit dalam kewangan Islam meletakkan pematuhan kepada syariah

sebagai asas penilaian utama. Hal ini mewujudkan cabaran kepada pelaksana audit, terutamanya apabila sesebuah institusi ingin memastikan operasinya memenuhi kehendak kedua-dua sistem secara serentak (Zamerey & Nurmaezah, 2008; Hasan, 2011).

Tambahan pula, institusi kewangan Islam menghadapi tekanan untuk menyaingi kecekapan sistem konvensional yang lebih mapan dari segi pelaksanaan teknikal dan skala global. Juruaudit syariah pula bukan sahaja perlu mahir dalam standard kewangan, tetapi juga memiliki kefahaman mendalam terhadap fiqh muamalat. Ketiadaan standard pelaksanaan audit syariah yang seragam di peringkat industri menambahkan lagi kekangan dalam memastikan kepatuhan konsisten (Iqmal Hisham & Supiah, 2021). Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan audit dalam kedua-dua sistem, mengenal pasti cabaran dan mencadangkan penambahbaikan bagi memperkukuhkan amalan audit Islam yang berintegriti.

SOROTAN LITERATUR

Kajian Mohd Zamerey Abdul Razak dan Nurmaezah Omar (2008) menggariskan keistimewaan audit syariah yang berbeza dengan audit konvensional kerana ia menilai dari sudut pematuhan teknikal dan juga hukum syariah. Kajian ini menekankan bahawa audit syariah memerlukan kefahaman mendalam tentang fiqh muamalat untuk memastikan setiap aktiviti kewangan selari dengan prinsip Islam.

Hasan (2011) menyatakan bahawa amalan tadbir urus syariah di Malaysia masih belum seragam dan memerlukan piawaian yang lebih sistematik bagi memastikan keseragaman pelaksanaan audit syariah di seluruh institusi kewangan Islam. Iqmal Hisham et al. (2024) pula menyorot cabaran pelaksanaan audit syariah dalam koperasi Islam yang memerlukan gabungan kepakaran teknikal dan syariah secara seimbang.

Kajian Rafedah Juhan (2018) memberikan fokus terhadap proses audit syariah dalam pembiayaan Islam dengan memberi penekanan terhadap rujukan sumber hukum dalam pelaksanaan audit. Arens et al. (2017) memberikan asas penting dalam memahami audit konvensional yang menilai ketepatan laporan kewangan berdasarkan piawaian antarabangsa. Kesemua kajian ini menjadi asas penting dalam memahami perbezaan ketara dan keperluan peningkatan dalam audit syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan dengan menganalisis data sekunder daripada buku akademik, artikel jurnal, laporan institusi, dan garis panduan rasmi. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan maksud audit, jenis audit, ciri juruaudit syariah, proses audit, cabaran dan kepentingan dalam kedua-dua sistem kewangan. Penekanan diberikan terhadap isu-isu perbandingan antara pendekatan Islam dan konvensional serta kesan pelaksanaannya terhadap kepercayaan dan reputasi institusi kewangan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Audit Syariah

Audit dimaksudkan sebagai suatu proses untuk mengumpul dan menilai segala bukti sesuatu maklumat kewangan. Manakala dari segi istilah pula ia membawa maksud dari perundangan islam iaitu proses mengumpul dan menilai bukti untuk memastikan tahap piawaian sesebuah institusi perbankan itu sama ada mengikut hukum dan perundangan islam atau tidak. Institusi perbankan boleh merujuk audit patuh syariah seperti al-Quran, al-Sunnah, al-Ijmak, dan al-Qias. Audit syariah akan dibuat dan dinilai secara berkala untuk memastikan sesebuah institusi sentiasa mematuhi peraturan syariah. Hal ini demikian kerana, ia berfungsi mewujudkan kebaikan dalam sesebuah institusi kewangan islam itu. Sebarang proses yang tidak mengikut syariah akan menyebabkan transaksi perniagaan yang dijalankan tidak sah. Impaknya, pendapatan yang diperolehi akan diragui dan akan menimbulkan rasa was-was. (Rafedah Juhan, 2018)

Menurut Syarikah al-Rajhi al-Masrafiyyah lil Istimar pula, beliau memberi maksud audit syariah sebagai pengauditan yang melaksanakan proses audit perlu memastikan seberapa hebat mana sesebuah institusi kewangan islam itu mematuhi syariah islam. Kesimpulannya, audit syariah ialah pengesahan dan pemeriksaan sesebuah organisasi supaya organisasi itu beroperasi berlandaskan prinsip-prinsip yang digariskan mengikut syariat islam. Ini adalah proses yang dilaksanakan untuk memastikan institusi kewangan islam sentiasa patuh dengan prinsip-prinsip syariat yang telah digariskan oleh islam. (Mohd Zamerey & Nurmaezah, 2008).

Jenis – Jenis Audit

Terdapat pelbagai jenis audit antaranya, audit syariah Takaful IKHLAS Sdn Bhd telah mewujudkan Manual Syariah sebagai panduan utama untuk memastikan syarikat beroperasi selaras dengan tuntutan syariat isla. Berpandukan manual Syariah ini pihak Pematuhan Syariah telah menyediakan senarai semakan Syariah (Shariah Checklist) untuk urusan audit Syariah. Pihak Bank islam telah memulakan usaha memastikan pematuhan Prinsip Syariah dengan mewujudkan “Internal Syariah Audit”. Unit ini bertindak mengaudit operasi bank bertujuan untuk memastikan ianya selaras dengan garis panduan (guidelines), keputusan dan resolusi yang diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah. (Mohd Zamerey & Nurmaezah, 2008).

Seterusnya, audit kewangan. Audit kewangan ialah salah satu bentuk audit yang dijalankan untuk menilai ketepatan dan keandalan penyata kewangan sesebuah organisasi. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan seperti Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MPERS) dan memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan syarikat. Audit ini biasanya dilakukan oleh juruaudit luaran yang bebas, contohnya firma berdaftar. Hasil daripada audit kewangan ini ialah laporan audit yang digunakan oleh pemegang saham, pelabur dan pihak berkepentingan lain untuk membuat keputusan kewangan. (Arens, A. A., Elder, R.J., & Beasley, M.S., 2017).

Selain itu, audit operasi. Audit operasi adalah audit yang memberi tumpuan kepada kecekapan dan keberkesanan sesuatu proses atau fungsi dalam organisasi. Ia dijalankan untuk menilai sama ada sumber organisasi digunakan dengan optimum dan sama ada objektif operasi tercapai dengan berkesan. Audit ini tidak hanya melihat kepada angka atau laporan kewangan, tetapi menyemak cara kerja, penggunaan asset, produktiviti, dan kualiti perkhidmatan. Matlamat utamanya adalah untuk mengenal pasti pembaziran, kelemahan proses, dan mencadangkan penambahbaikan dari segi pengurusan dan operasi. (Zuraidah Mohd Sanusi 2013).

Akhir sekali, audit pematuhan. Audit pematuhan merujuk kepada audit yang dijalankan bagi memastikan sesebuah organisasi mematuhi undang-undang, peraturan, dasar dalaman, dan garis panduan industry yang berkaitan. Audit ini penting dalam organisasi yang dikawal selia seperti institusi kewangan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), dan syarikat tersenarai. Juruaudit akan menyemak dokumen, proses, dan aktiviti untuk memastikan ia mematuhi kehendak perundangan atau standard industri tertentu. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan, juruaudit akan melaporkan perkara industri tersebut dan mencadangkan tindakan pembetulan. (Azlina Mohd Aris & Norlia Mat Nor, 2013).

Ciri – Ciri Juruaudit Syariah

Juruaudit syariah bertugas sebagai pemantau proses audit dan menilai institusi kewangan islam supaya mematuhi prinsip-prinsip syariah islam dalam operasi dan perniagaannya. Untuk menjadi juruaudit syariah ia mestilah mempunyai ciri-ciri yang ditetapkan supaya proses audit berjalan dengan lancar. Antara ciri berikut adalah, sopan, beradab dan berakhlak mulia. Hal ini dikatakan kerana, juruaudit sering berurusan dengan pelbagai pihak seperti pihak pengurusan atasan, staf dalaman, serta jawatankuasa syariah yang lain. Akhlak yang mulia dapat mencerminkan kepribadian islam. Oleh itu, cara berkomunikasi yang beradab perlu diterapkan agar sebarang teguran dan penambahbaikan terhadap sesuatu syarikat itu dapat disampaikan secara berhemah dan diterima dengan hati yang terbuka tanpa mencetuskan sebarang pertikaian. Juruaudit syariah ini juga membawa imej islam dalam setiap tugasnya, maka dia perlu sentiasa kekal beradab dan sopan. (Mohd Zamerey & Nurmaezah, 2008).

Selain itu, juruaudit syariah perlulah bersifat cermat dan berhati-hati. Hal ini demikian kerana, tanggungjawab yang dipikul dan dilaksanakan amat besar kerana ia melibatkan sistem kewangan. Proses audit syariah ini bukan hanya mengira angka dan dokumen tetapi menilai sesebuah kepatuhan institusi kewangan sama ada mematuhi syariat islam atau tidak. Sebarang kecuaiian yang dilakukan akan menyebabkan yang halal dianggap haram atau yang haram dianggap halal. Juruaudit juga akan terdedah dengan maklumat sulit institusi yang sedang diaudit, jika mereka tidak berhati-hati maklumat ini akan disalah gunakan oleh pihakpihak tertentu. Oleh itu, setiap semakan dan laporan audit yang dibuat perlu teliti dan tepat (Mohd Zamerey & Nurmaezah, 2008).

Seterusnya, tegas dengan prinsip yang dipegang tanpa bersepakat dengan pihakpihak tertentu atas motif keuntungan. Hal ini akan mencetuskan peningkatan penipuan dan manipulasi sekali gus ia membuka ruang kepada skandal kewangan dan akan

menyebabkan sesebuah institusi kewangan ketidakstabilan dan menggugat keyakinan masyarakat. Pematuhan kepada panduan syariah dalam institusi kewangan islam adalah wajib yang kita tidak boleh ketepikan. Dari sudut lain pula, tindakan memalsukan maklumat dan bekerjasama dengan pihak yang tertentu adalah satu bentuk pengkhianatan yang sangat jelas terhadap sesebuah institusi. Tambahan pula, keuntungan yang diperoleh semasa jangka pendek ini akan mengakibatkan Kesan buruk yang berpanjangan. Oleh itu, individu yang menjadi juruaudit perlu sentiasa jujur dan berpegang teguh dengan prinsip islam agar tidak menimbulkan pengkhianatan. (Mohd Zamerey & Nurmaezah, 2008).

Kesimpulannya, juruaudit syariah perlu mengetahui asas islam dari segi kewangan dan perlu memastikan setiap aktiviti dan transaksi institusi kewangan islam itu sentiasa mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh hukum syariah. Ketegasan, kejujuran dan kefahaman dalam ilmu fiqh muamalat adalah kriteria utama yang perlu ada dalam diri seorang juruaudit syariah bagi menjamin dan mencipta kepercayaan masyarakat terhadap institusi kewangan islam. (Mohd Zamerey & Nurmaezah, 2008).

Peranan Jawatankuasa Audit Syariah

Juruaudit Syariah memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan sesebuah organisasi dalam sektor kewangan Islam beroperasi dengan prinsip-prinsip Syariah. Dalam usaha untuk melaksanakan audit Syariah yang berkesan, juruaudit perlu mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang berkaitan dengan prinsip-prinsip kewangan Islam dan pelaksanaan audit. Mereka juga perlu bersedia untuk sentiasa mengemaskini ilmu agar selari dengan perkembangan semasa industri kewangan Islam. Keperluan ini menjadi semakin penting kerana Malaysia sedang bergerak ke arah menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa. Oleh itu, peranan juruaudit syariah menjadi tonggak kepada ketelusan dan kredibiliti sistem kewangan berasaskan syariah. (Mohd Zamerey & Nurmaezah, 2008).

Selain itu, juruaudit syariah bertanggungjawab membantu organisasi mencapai akauntabiliti dan integriti dengan memberi cadangan yang berteraskan prinsip Islam. Antaranya termasuk cadangan dalam pengurusan risiko, pelaksanaan etika kerja menurut Islam, tadbir urus organisasi yang baik serta membina keyakinan dalam kalangan masyarakat dan pemegang saham. Mereka juga perlu memahami keperluan sesebuah organisasi bagi menghasilkan perkhidmatan audit yang berkualiti dengan menggunakan elemen-elemen Syariah dalam operasi dan pentadbiran organisasi. Sikap kreatif dan inovatif amat digalakkan dalam kalangan juruaudit Syariah agar pelaksanaan audit sentiasa relevan pada masa kini, namun tetap menggunakan hukum Syarak dan tidak bercanggah dengan prinsip Islam. (Mohd Zamerey & Nurmaezah, 2008).

Institusi kewangan juga memainkan peranan penting dalam menjayakan audit syariah. Pihak pengurusan organisasi perlu memberikan sokongan dan kerjasama kepada Jawatankuasa Audit Syariah agar proses audit dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Selain itu, mereka perlu menunaikan tanggungjawab tadbir urus dengan mengaplikasikan konsep oversight (pemantauan), insight (pemahaman mendalam), dan foresight (pandangan jauh ke hadapan). Ini penting bagi memastikan organisasi bukan sahaja patuh Syariah dari segi dokumentasi, tetapi juga dalam bentuk perancangan dan

pelaksanaan. Kesimpulannya, peranan juruaudit syariah dan sokongan institusi adalah penting dalam membentuk ekosistem kewangan Islam yang berkesan. (Mohd Zamerey & Nurmaezah, 2008).

Proses Audit

Proses Audit Dalam Pengurusan Islam

Audit syariah adalah fokus utama dalam proses audit Islam dan ia perlu mengikut garis panduan audit syariah yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Tetapi teknik-teknik yang digunakan untuk proses audit syariah atau konvensional adalah sama seperti pengesahan, dokumentasi, soal selidik dan pengiraan semula. Yang menunjukkan perbezaan itu adalah di antara objektif dan skop audit tersebut. Terdapat beberapa proses audit syariah yang dapat dibincangkan. (Rafedah Juhan, 2018).

Antara proses audit yang perlu digunakan bagi melaksanakan audit syariah dengan lebih sistematik ialah memahami aktiviti perniagaan. Hal ini dikatakan kerana, sebelum proses audit dijalankan, juruaudit syariah perlu mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang aktiviti perniagaan yang sedang dijalankan oleh organisasi. Juruaudit perlu mengerahkan kemampuan supaya dapat memahami lagi mendalam tentang proses, konsep dan produk yang digunakan dan ditawarkan di satu organisasi yang perlu diaudit itu. Oleh itu, memahami aktiviti perniagaan sebuah organisasi ini penting bagi membolehkan juruaudit menilai supaya organisasi itu mematuhi syariah atau tidak (Rafedah Juhan, 2018).

Seterusnya, membuat rujukan daripada sumber yang relevan. Hal ini demikian kerana, juruaudit syariah perlu membuat rujukan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan Keputusan dari jawatankuasa syariah. Jika tersilap meletakkan maklumat ia akan menimbulkan penilaian audit yang tidak tepat. Situasi ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpercayaan pengaudit tetapi ia juga memberikan keyakinan kepada pihak atasan terhadap integriti laporan audit yang dikeluarkan. Impaknya, sumber rujukan yang sah dapat menyelamatkan juruaudit sekiranya terjadi persoalan tentang proses audit yang dilakukan (Rafedah Juhan, 2018).

Selain itu, juruaudit perlu melaporkan keputusan penilaian dan sebarang penemuan dalam proses audit. Hal ini disebabkan oleh, juruaudit syariah bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang penemuan yang diperolehi dalam setiap proses audit bagi memastikan semua maklumat penting dapat disampaikan dengan jelas kepada pihak Lembaga Pengarah. Sebarang rangkaian pelaporan yang hendak dihantar perlulah mengikut rangka tadbir urus yang telah digariskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Penyampaian pelaporan audit secara sistematik akan membantu organisasi itu dapat meningkatkan kecekapan dalam operasinya. (Rafedah Juhan, 2018).

Akhir sekali, juruaudit syariah perlu mencadangkan sebarang tindakan pembetulan dan membuat pemeriksaan susulan. Hal ini kerana, untuk memastikan setiap penemuan audit adalah praktikal dan selaras dengan prinsip syariah. Cadangan tindakan pembetulan adalah untuk menambah baik tahap pematuhan syariah sesuatu organisasi kewangan dan

tidak menjejaskan kelangsungan organisasi itu. Dengan membuat pemeriksaan susulan pula juruaudit syariah dapat membantu organisasi itu mengekalkan pematuhan terhadap garis panduan syariah secara berterusan. Oleh itu, proses audit ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan audit, tetapi juga membantu organisasi mengekalkan pematuhan terhadap prinsip syariah dan piawaian yang ditetapkan. (Rafedah Juhan, 2018).

Proses Audit Dalam Pengurusan Konvensional

Proses audit konvensional tidak mempunyai banyak perbezaan seperti audit syariah tetapi yang membezakan ia dari segi syariah islam dan konvensional. Pertama sekali ialah perancangan audit. Juruaudit merancang membuat proses audit tanpa mengambil kira sama ada suatu operasi itu mematuhi syariah atau tidak. Tujuan utamanya hanyalah untuk mengkaji penyata kewangan, bukan untuk menilai sumber pendapatan sama ada ia halal atau haram. Pelan audit untuk memulakan proses audit konvensional ini juga berdasarkan undang-undang sivil dan prinsip kewangan konvensional. Tidak kira suatu organisasi itu berasaskan riba atau tidak, ia akan tetap diaudit, walaupun riba diharamkan dalam Islam. (Malaysia Institute of Accountants, 2018).

Selain itu, juruaudit perlu menilai prosedur yang digunakan oleh sebuah organisasi untuk memantau rekod kewangan. Fokusnya kepada proses ini hanya untuk mengetahui tentang operasi harian mereka berjalan dengan betul atau lancar dan penyata kewangan tidak disalah nyatakan akibat penipuan. Juruaudit juga tidak akan mengambil kira sama ada proses dan transaksi tersebut mematuhi hukum syariah atau tidak. Transaksi yang mengandungi riba dan perjudian akan tetap dianggap sah di kewangan konvensional selagi mana prosedur ia dipatuhi. (Malaysia Institute of Accountants, 2018).

Seterusnya, menjalankan prosedur audit. Juruaudit telah mula mengumpul bukti audit melalui pemerhatian, pengesahan, pengiraan semula dan membuat analisa. Jika sebarang bukti audit terbukti daripada aktiviti tidak patut syariah ia tidak dikecualikan di dalam proses audit bank konvensional. Ketepatan angka sahaja yang akan dinilai dalam proses ini. Transaksi yang dianggap haram dari sudut Islam tetap akan diterima selagi tiada salah dari segi undang-undang konvensional. (Malaysia Institute of Accountants, 2018).

Akhir sekali, juruaudit menyiapkan laporan audit. Laporan audit itu mestilah menyatakan tentang pendapatan audit berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan dari segi undang-undang. Tiada ulasan yang akan dikeluarkan oleh juruaudit sekiranya organisasi itu tidak mematuhi hukum syariah. Organisasi yang terlibat dalam perniagaan yang bercanggah dengan syariat akan menerima pendapat audit “wajar tanpa pengecualian”. Oleh itu, proses audit konvensional merupakan satu proses yang sistematik untuk menilai kewajaran suatu penyata kewangan tersebut mengikut piawaian audit konvensional. (Malaysia Institute of Accountants, 2018).

Cabaran Dalam Pengurusan Audit Islam & Konvensional

Cabaran Audit Dalam Pengurusan Islam

Dalam era globalisasi ini dan pembangunan ekonomi yang pesat, kepentingan terhadap pengurusan yang baik semakin mendapat perhatian dalam semua sektor, termasuklah dalam organisasi dan pengurusan berlandaskan syariah Islam. Salah satu elemen penting dalam pengurusan Islam ialah pengurusan audit untuk memastikan tidak berlaku sebarang penyelewangan, manipulasi akaun, ataupun kewangan dimana-mana syarikat atau organisasi. Audit dalam pengurusan Islam bukan sahaja merangkumi aspek kewangan tetapi juga melibatkan pemerhatian terhadap nilai dan etika Islam. Walaupun demikian, mengamalkan audit dalam pengurusan Islam mempunyai banyak cabaran yang harus dihadapi. Berikut merupakan antara-antara cabaran yang dihadapi dalam audit pengurusan Islam. (Mohd Zamarey & Nurmaezah, 2008).

Cabaran pertama ialah kurangnya pemahaman dalam prinsip syariah. Tanpa sebarang pemahaman dalam prinsip syariah didalam audit, pihak audit mungkin tidak mampu untuk mengenal pasti pelanggaran Syariah dalam urus tadbir dan operasi syarikat. Misalnya, seorang pengurus audit mungkin mempunyai kelebihan dalam audit konvensional, tetapi kurang arif dalam hukum muamalat Islam, menyebabkan penilaian Syariah tidak dilakukan dengan betul. Ia dapat memberi kekurangan dalam pengurusan tersebut. (Mohd Zamarey & Nurmaezah, 2008).

Selain itu, cabaran yang dihadapi ialah persaingan dengan produk kewangan konvensional yang lebih meluas dari segi pasaran, dan sering dilihat lebih fleksible. Produk kewangan konvensional mempunyai system yang mampan dan mempunyai sokongan infrastruktur kewangan global. Sebaliknya, kewangan Islam walaupun ia berkembang pesat tapi masih lagi dianggap benda baharu. Dalam hal ini, pengurusan audit syariah memainkan peranan penting untuk memastikan operasi kewangan Islam mematuhi kehendak syariah. Namun, tekanan yang dihadapi untuk bersaing dengan institusi konvensional kadangkala boleh menetuskan masalah melibatkan kedua-dua pengurusan. (Mohd Zamarey & Nurmaezah, 2008).

Seterusnya, terdapat cabaran lain yang dihadapi dalam pelaksanaan pengurusan audit dalam Syariah iaitu ketiadaan standar yang seragam di peringkat industry kerana menyukarkan usaha untuk menilai kepatuhan Syariah secara konsisten antara satu institusi dengan institusi lain. Setiap negara atau institusi kewangan Islam berkemungkinan mengguna pakai pendekatan dari garis panduan yang berbeza dalam melaksanakan audit Syariah. Banyak juga institusi kewangan Islam masih bergantung pada garis panduan dalaman atau hanya mengambil sebahagian daripada standar tersebut. Ketidakwujudan arahan yang mewajibkan amalan audit syariah menjadikan audit syariah terpisah-pisah dan tidak selaras. (Mohd Zamarey & Nurmaezah, 2008)

Kesimpulannya, pengurusan audit syariah menghadapi pelbagai cabaran yang harus diselesaikan. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja menjejaskan keberkesanan audit, malah boleh mengugat kebolehan kewangan Islam jika tidak ditangani dengan serius. Oleh itu, usaha bersama diperlukan bagi meningkatkan amalan Syariah dalam kalangan paraaudit.

Langkah ini penting bagi memastikan system kewangan Islam kekal berintegriti dan relevan dalam menghadapi cabaran industri kewangan konvensional. (Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin & Supiah Salleh, 2024).

Cabaran Audit Dalam Pengurusan Konvensional

Audit merupakan satu proses penting dalam memastikan ketelusan, kecekapan dan integriti dalam sesebuah organisasi. Dalam konteks pengurusan konvensional, audit bukan sahaja berfungsi untuk kesahihan rekod kewangan, tetapi juga untuk menilai keberkesanan kawalan dalaman dan pematuhan terhadap dasar dan peraturan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan audit dalam pengurusan konvensional sering kali berdepan dengan pelbagai cabaran. Tambahan pula, budaya organisasi yang tidak menyokong prinsip tadbir urus yang baik turut menyumbang kepada kelemahan dalam sistem pengauditan. Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi dalam pengurusan konvensional. (Noor Adwa Sulaiman, 2022).

Antara cabaran pertama yang dilalui dalam pengurusan konvensional ialah kekurangan kepakaran dan sumber manusia. Proses audit memerlukan pengetahuan yang luas dalam pelbagai aspek seperti contoh, kewangan, operasi, strategi, dan teknologi. Walaupun sedemikian, banyak organisasi tidak mempunyai auditor yang berkemahiran tinggi atau berpengalaman luas dalam aspek pengurusan. (Noor Adwa Sulaiman, 2022).

Selain itu, skop pengurusan audit yang sangat luas dan sukar dikawal juga menjadi cabaran utama. Tidak seperti audit kewangan yang berasaskan undang-undang yang jelas, audit pengurusan konvensional menilai aspek seperti keberkesanan, kecekapan dan ekonomi operasi, yang bersifat luas. Hal ini menyebabkan kesukaran dalam penilaian serta memberi permasalahan kepada pengurusan tersebut. Akibatnya, hasil audit mungkin dipertikaikan dair segi ketepatan dan kepercayaan. (Faez Normarsya & Nurulhuda, 2024).

Tambahan pula, kurangnya kerjasama daripada pihak pengurusan atau jabatan yang diaudit turut menjadi halangan utama. Dalam sesetengah kes, pihak yang diaudit menganggap audit sebagai satu bentuk kawalan atau ancaman, lalu tidak memberikan kerjasama yang sewajarnya. Sikap defensif ini menyukarkan proses pengumpulan maklumat dan menghalang komunikasi yang terbuka antara audit. Tanpa sokongan kukuh, keberkesanan audit pengurusan boleh terjejas secara keseluruhan. (Mohammad Hisyam Selamat, 2010).

Kesimpulannya, audit pengurusan konvensional memainkan peranan penting dalam menilai keberkesanan dan kecekapan operasi sesebuah organisasi. Namun begitu, pelbagai cabaran seperti kekurangan kepakaran, skop audit yang subjektif serta kurangnya kerjasama daripada pihak pengurusan sering kali menjejaskan keberkesanan proses audit ini. Sekiranya, cabaran-cabaran ini tidak ditangani dengan baik, hasil audit mungkin tidak memberikan nilai tambah yang signifikan kepada organisasi. Justeru, adalah penting bagi organisasi untuk mengukuhkan sumber manusia, menghadkan skop pengurusan audit, dan menguatkan kerjasama antara pihak jabatan dan organisasi. (Faez Normarsya & Nurulhuda, 2024).

Keperluan Audit Syariah Dalam Institusi Kewangan Islam

Audit Syariah memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan institusi kewangan islam beroperasi selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Dalam era globalisasi ini, semakin ramai pelanggan dan pelabur Muslim yang menuntut agar urusan kewangan mereka diurus secara halal dan etika dalam islam. Justeru, pelaksanaan audit syariah bukan sahaja menjadi satu keperluan perundangan di beberapa buah negara, malah ia juga merupakan satu keperluan moral dan profesional dalam industri kewangan Islam. Audit syariah bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pemantauan, malah ia juga memberi pelbagai manfaat dari segi keyakinan pelanggan, reputasi institusi dan tadbir urusan korporat. (Haniffa & Hudaib, 2007)

Antara kepentingan audit syariah dalam institusi kewangan ialah berfungsi untuk menjamin bahawa setiap operasi, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan islam adalah mematuhi hukum syariah. Hal ini dikatakan demikian kerana termasuk jenis kontrak yang digunakan, struktur produk pembiayaan, pelaburan yang dijalankan dan pendekatan dalam pengurusan risiko. Sebagai contoh, audit syariah akan memastikan bahawa produk seperti pembiayaan Murabah tidak melibatkan unsur riba, manakala pelaburan tidak dibuat dalam syarikat yang menjalankan perniagaan barangan terlarang seperti arak ataupun perjudian. Dengan itu, institusi kewangan dapat beroperasi tanpa melanggar hukum islam secara tidak sengaja. (Yaacob & Donglah, 2012).

Selain itu, audit syariah turut membantu meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap institusi kewangan islam. Secara umumnya, pelanggan muslim sangat mengambil berat tentang status halal bagi setiap transaksi yang mereka lakukan. Melalui audit syariah yang telus dan menyeluruh, pelanggan akan lebih yakin bahawa wang mereka diuruskan secara patuh syariah. Sebagai contoh, seorang pelanggan yang ingin melabur dalam dana unit Amanah islamik akan berasa lebih yakin sekiranya institusi berkenaan mempunyai rekod audit syariah yang baik. Kepercayaan ini juga akan menyumbang kepada peningkatan bilangan pelanggan serta kesetiaan mereka kepada institusi tersebut. (Dusuki & Abozaid, 2007).

Seterusnya, audit syariah juga memainkan peranan penting dalam memelihara reputasi sesebuah institusi kewangan Islam. Pelanggaran terhadap prinsip syariah boleh menjejaskan imej institusi dengan teruk, terutamanya jika ia diketahui oleh orang ramai. Dengan adanya audit secara berkala, sebarang isu ketidakpatuhan ataupun penipuan boleh dikesan lebih awal dan tindakan pembetulan boleh diambil segera. Sebagai contoh, jika terdapat pelaburan yang tidak mematuhi kriteria saringan syariah, pihak atasan boleh menjual semula aset tersebut sebelum ia menimbulkan isu besar kepada pelabur dan pelanggan. (Othman & Ameer, 2010).

Dari sudut perundangan pula, audit syariah merupakan satu keperluan di beberapa negara yang mengamalkan sistem kewangan islam secara rasmi. Sebagai contoh, di Malaysia institusi kewangan islam diwajibkan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan Majlis Penasihat Syariah. Ini termasuk keperluan menjalankan audit syariah secara berkala bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian

Syariah seperti yang ditetapkan oleh badan seperti Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). Oleh itu, audit Syariah membantu institusi supaya kekal patuh terhadap undang-undang dan mengelakkan tindakan penguatkuasaan. (Hasan, 2011).

Kesimpulannya, audit syariah adalah satu aspek yang sangat penting dalam operasi institusi kewangan islam. Ia bukan sahaja menjamin kepatuhan terhadap prinsip islam, malah memberi pelbagai manfaat dari segi kepercayaan pelanggan, reputasi institusi, tadbir urus korporat dan daya saing global. Oleh itu, institusi kewangan islam perlu memberi penekanan yang serius terhadap pelaksanaan audit Syariah yang efektif dan berterusan demi nama baik institusi mereka. (Iqmal Hisham Kamaruddin & Supiah Salleh, 2021).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengurusan audit merupakan elemen penting dalam memastikan kecekapan, ketelusan dan pematuhan sesebuah institusi kewangan terhadap peraturan dan undang-undang. Sebagai contohnya, Bank Islam Malaysia Berhad dan HSBC Bank Malaysia Berhad merupakan dua institusi kewangan utama di negara ini yang melaksanakan fungsi audit sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat mereka. Namun begitu, terapat perbezaan ketara antara kedua-dua bank ini yang memberi kelebihan kepada BIMB dari aspek etika, keutuhan dan keberkesanan kawalan.

BIMB melaksanakan sistem audit yang lebih strategik kerana BIMB tidak tertumpu kepada pematuhan peraturan kewangan, tetapi ia juga merangkumi aspek Syariah. Fungsi audit di BIMB disokong oleh Jawatankuasa Pematuhan Syariah yang memantau keselarasan semua aktiviti bank dengan prinsip-prinsip islam. Pendekatan ini memastikan bahawa operasi BIMB memelihara nilai etika, kejujuran, dan moral dalam semua aspek perbankan.

Sebaliknya pula, HSBC Bank Malaysia Berhad yang mengamalkan sistem perbankan konvensional lebih menumpukan kepada aspek kawalan risiko kewangan dan pematuhan antarabangsa. Walaupun HSBC mempunyai rangka kerja audit dalaman yang kukuh dari segi teknikal dan global, ia tidak mengambil kira dimensi moral atau pematuhan berasaskan nilai agama. Ini menjadikan audit HSBC lebih bersifat general dan kurang menyeluruh dalam tanggungjawab social.

Tambahan pula, keberkesanan audit BIMB dapat dilihat melalui pendekatan inklusif yang ditetapkan, di mana semua peringkat pengurusan termasuk Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah terlibat secara aktif dalam memantau prestasi dan pematuhan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan ketelusan, malah mewujudkan budaya integriti dalam keseluruhan operasi organisasi. Berbanding itu, model audit HSBC mengutamakan keputusan daripada golongan elit pengurusan dan pendekatan professional tanpa penglibatan menyeluruh daripada semua peringkat organisasi, yang mungkin kurang memberi tekanan kepada prinsip keadilan social dan kebertanggungjawaban etika.

Oleh itu, pengurusan audit di Bank Islam Malaysia Berhad adalah lebih baik berbanding HSBC Bank Malaysia Berhad kerana pendekatan yang menyeluruh yang menggabungkan pematuhan peraturan, prinsip Syariah dan nilai etika dalam satu sistem kawalan yang bersepadu. Keupayaan BIMB dalam menyeimbangkan antara kepatuhan kewangan dan tanggungjawab moral memberikan kelebihan kompetitif dan meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap integriti institusi tersebut. Dalam konteks audit ini, ia bukan sahaja melihat kepada pematuhan, tetapi juga pada nilai dan kepercayaan, serta sistem kewangan islam supaya terbukti lebih memberi manfaat.

RUJUKAN

- Arens, A. A., Elder, R. J., & Beasley, M. S. (2017). *Auditing and assurance services: An integrated approach*. Pearson Education.
- Asyraf Wajdi Dusuki, & Abdulazeem Abozaidi. (2007). A critical appraisal on the challenges of financial institutions. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 8(1), 35–65.
- Azlina Mohd Aris, Zuraidah Mohd Sanusi, & Norlia Mat Nor. (2013). *Auditing in Malaysia*. Oxford Fajar.
- Haniffa, R., & Hudaib, M. (2007). Exploring the ethical identity of Islamic banks communication in annual reports. *Journal of Business Ethics*, 76(1), 97–116.
- Hasan, Z. (2011). A survey on Shari'ah governance practices in Malaysia. *Journal of Islamic Finance*, 3(1), 165–200.
- Hisham Yaacob, & Nor Khadijah Donglah. (2012). Shariah audit in Islamic financial institutions in Malaysia. *Jurnal Muamalat*, 1, 1–10.
- Iqmal Hisham Kamaruddin, Supiah Salleh, Zurina Shafii, Mustafa Mohd Hanefah, & Nurazalia Zakaria. (2024). Exploring Shariah governance practices in Islamic co-operatives in Malaysia. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 14(3), 89–96. <https://doi.org/10.32479/ijefi.16048>
- Malaysia Institute of Accountants. (2018). *Planning an audit for financial statements*. <https://www.mia.org.my>
- Mohd Zamerey Abdul Razak, & Nurmaezah Omar. (2008). *Audit Syariah dalam institusi kewangan Islam*. Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin, & Supiah Salleh. (2021). Shariah governance in Islamic financial institutions. *Jurnal Pengurusan*, 62(1), 55–70.
- Noor Adwa Sulaiman, Nadratun Na'im Kamarudin, & Suhaily Shahimi. (2022). Internal audit effectiveness in insurance and takaful companies in Malaysia: A study of internal auditors and auditees. *Asian Journal of Business and Accounting*, 15(2), 284–294. <https://doi.org/10.22452/ajba.vol15no2.1>
- Rafedah Juhan. (2018). Audit syariah pembiayaan Islam: Skop dan proses. *Dimensikoop*. <https://www.dimensikoop.my>
- Roshima Othman, & Rashid Ameer. (2010). Developing a disclosure index for Islamic institutions. *Journal of Financial Reporting and Accounting*, 8(1), 35–65.